



22100188



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Friday 14 May 2010 (morning)

Vendredi 14 mai 2010 (matin)

Viernes 14 de mayo de 2010 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2<sup>e</sup> partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à amener des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.
- No se permite traer a la sala de examen copias de las obras estudiadas.

*Jawab satu soalan eseai sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang tidak berdasarkan perbincangan dari sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, tidak akan mendapat markah yang tinggi.*

### **Cerpen**

1. Bagaimakah pengarang yang berlainan memaparkan kelemahan manusia dan sejauhmanakah mereka berkesan mempengaruhi sikap dan pemikiran anda, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji?
  
2. Bincangkan bagaimana pengarang yang berlainan menggunakan sudut pandangan naratif yang berbeza dan apakah kesannya, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.

### **Drama**

3. Apakah teknik-teknik pengarang yang berlainan dalam memaparkan perkembangan dan perubahan watak-watak utama dan sejauhmanakah ianya berkesan, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji?
  
4. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan gaya bahasa yang digunakan dan bagaimana ianya mempengaruhi suasana atau perkembangan drama itu.

### **Novel**

5. Bandingkan bagaimana pengarang yang berlainan mengemukakan sikapnya terhadap permodenan dan pembaharuan dalam masyarakat, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.
  
6. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana dan apakah kesannya, pengarang yang berlainan memaparkan ciri-ciri positif atau negatif pada watak-watak ketua masyarakat atau golongan atasan.

### Prosa Tradisional

7. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, bandingkan cara dan keberkesanannya pengarang menggambarkan kebesaran dan kegemilangan sesebuah kerajaan atau negara pada zaman lampau.
8. Bincangkan bagaimana pengarang menggarap unsur dengki khianat atau komplot jahat dan kesannya kepada perkembangan cerita, seperti yang terdapat pada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.

### Puisi

9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana penyair yang berlainan mengolah persoalan keadilan atau ketidak-adilan dan apakah kesannya.
10. Bandingkan bagaimana serta sejauhmanakah berkesannya dua penyair menimba ilham atau merujuk sumber berkenaan imej dan perlambangan, serta menggunakan dalam karya mereka, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.

### Am

11. Bincangkan keberkesanannya pengarang menggarap persoalan nostalgia atau kenangan masa lalu, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.
12. Bincangkan penilaian anda tentang pemaparan dan kepentingan cita-cita peribadi atau wawasan bersama, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.
13. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang yang berlainan memaparkan latar atau *setting* tertentu sehingga meninggalkan kesan mendalam kepada penghayatan anda.
14. Bandingkan bagaimana pengarang yang berlainan menggarap watak ibu dalam karya mereka dan apakah kesannya, berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.